

## KENYATAAN AKHBAR

*untuk siaran segera*

### **BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD TERAJUI INOVASI ESG, BERTINDAK SEBAGAI PUSAT SEHENTI BAGI PENYELESAIAN KEWANGAN ISLAM LESTARI**

**14 November 2024**, KUALA LUMPUR – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini menegaskan komitmennya terhadap inovasi Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) dengan memposisikan dirinya sebagai pusat sehati bagi penyelesaian kewangan Islam yang lestari. Ini termasuk Program Pembiayaan Eco Green yang disesuaikan mengikut keperluan pelanggan, perkhidmatan komprehensif yang holistik dan pelaburan untuk individu. Inisiatif strategik ini dibentuk untuk mempercepatkan penerapan amalan lestari, yang semakin menjadi pilihan rakyat Malaysia, dan dalam masa sama mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan jejak karbon negara.

Dengan memberi fokus kepada keutamaan pelanggan dan inovasi sebagai teras perniagaan, **Program Pembiayaan Eco Green Bank Muamalat** menawarkan penyelesaian pembiayaan yang disesuaikan dengan tenaga boleh diperbaharui (RE) termasuk **panel solar, sistem penyimpanan tenaga bateri, pembiayaan kenderaan elektrik (EV), dan kotak pengecas EV**. Selain pembiayaan, Bank Muamalat telah menjalin kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan panel solar terkemuka, termasuk Masterclean Technologies Sdn Bhd, SOLS Energy Sdn Bhd, Sunsource Energy Sdn Bhd and Tera VA Sdn Bhd. untuk menawarkan akses kepada produk terbaik di pasaran, perkhidmatan pemasangan pakar, dan penyelenggaraan berterusan bagi memastikan kelestarian jangka panjang untuk setiap pemilikan. Mendukung "Kehidupan Lebih Baik, Bersama", Bank Muamalat juga memperkenalkan **Portfolio Fokus ESG iFAST Barakah**, yang memberikan peluang unik untuk melabur dalam projek lestari dan program tanggungjawab sosial (CSR), dengan faedah tambahan iaitu diskaun yuran perkhidmatan.

“Matlamat kami adalah untuk menjadi peneraju inovasi ESG dengan meluaskan akses tenaga lestari kepada semua rakyat Malaysia,” kata Khairul Kamarudin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat. “Kami menginovasi cara kami dalam menyokong pelanggan dengan menawarkan penyelesaian komprehensif yang membolehkan mereka mengurangkan kesan alam sekitar, sama ada melalui pembiayaan rumah, kad kredit, pembiayaan peribadi, atau pembiayaan kenderaan. Kadar keuntungan kami yang kompetitif memudahkan pelanggan individu melabur dalam penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, membantu mengurangkan kos elektrik dan menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau.”

Strategi ESG Bank Muamalat adalah **selari dengan sasaran kerajaan untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050**. Bank Muamalat akan terus memperluas

penawaran produk ESG untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang dan memainkan peranan penting dalam membina ekonomi yang berdaya tahan dan rendah karbon.

“Kami komited untuk memberikan pelanggan perkhidmatan kewangan Islam yang terbaik serta menyokong kepentingan mereka,” tambah Khairul. “Kami mahu mereka mendapat manfaat secara holistik apabila mereka bersama kami, daripada produk yang boleh dipercayai sehinggalah bimbingan pakar sepanjang perjalanan tenaga boleh diperbaharui mereka, serta sokongan yang berterusan. Di Bank Muamalat, kami melaksanakan pelaburan strategik bagi menyokong masa depan yang lebih lestari dan inklusif buat pelanggan kami, yang menjadi asas kepada kemapanan kewangan, kesejahteraan komuniti, dan pertumbuhan yang lestari. Ini adalah tujuan utama kami dan kami berharap ia dapat menjadi motivasi kepada semua untuk mencipta masa depan Malaysia yang lebih hijau untuk generasi akan datang.”

Bagi pelanggan yang berminat dengan produk dan perkhidmatan berkaitan ESG Bank Muamalat, anda boleh memohon melalui <https://map.muamalat.com.my/>. Bagi yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut, boleh layari laman sesawang Bank Muamalat di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Anda juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

## TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

**Mohd Nazrul Hafizi** | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384

**Hawa Ali** | [siti.norhawa@muamalat.com.my](mailto:siti.norhawa@muamalat.com.my) | +6019 239 2077

### Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.